

A. Samad Idris
dengan



*Jejak-jejak
Pejuang*

A. Samad Idris
dengan

Jejak-jejak Pejuang

Dibantu oleh : Naharuddin Haji Ali

Sejambak Kenangan

Buku kecil ini saya berikan tajuk **“Jejak-Jejak Pejuang”** mengandungi 10 orang tokoh-tokoh pejuang gigih di mana ramai di antara kita yang tidak mengenali lagi.

Saya berhasrat untuk mengumpul seberapa ramai lagi tokoh dalam semua lapangan perjuangan untuk membebaskan tanahair dari cengkaman penjajah. Apa yang saya harapkan ia mendapat sokongan dari semua pihak semoga usaha ini akan mencapai matlamatnya.

Jika kedapatan sesuatu yang kekurangan dan kesilapan, ia merupakan tidak disengajakan. Harapan saya sama-sama diperbetulkan.

Siapakah yang harus dipersalahkan kalau generasi muda sekarang tidak mengenal tokoh-tokoh veteran yang berjuang menentang Malayan Union yang dipaksakan oleh penjajah Inggeris pada tahun 1946 dulu.

Tahun 1996 bererti 50 tahun sudah berlalu - bagi mereka yang berumur 50 tahun sekarang apalagi yang lebih muda, bagaimanakah mereka dapat mengenali bapa-bapa atau datuk-datuk mereka yang sudah lanjut umur dan tidak sedikit pula yang telah pergi meninggalkan kita.

Mungkin yang berusia dalam lingkungan 50 tahun boleh mengingati **“detik-detik 12 satu saat”** di Padang Selangor Club di mana turunnya bendera Union Jack dan berkibar megah bendera kita 39 tahun yang lalu.

Pejuang-pejuang ini tidak pernah meminta jasanya dikenang atau menagih simpati, lebih-lebih lagi menadah tangan meminta-minta sesuatu sebagai balasan dari titik peluh perjuangan mereka.

Apa yang mereka harapkan agar anak-anak cucu dan generasi muda dapat menikmati hasil perjuangan mereka dan menyedari akan kelemahan dan keciciran mereka di masa lampau akibat penjajah yang bersikap **“telunjuk lurus kelengkeng berkait”**, **“mulut disuap pisang ekor dicangkuk duri”**.

Tidak perlu saya huraikan di sini akan kelemahan yang dimaksudkan kerana anak-anak muda hari ini semuanya sudah berpendidikan menengah dan tinggi, sudah boleh malah bijak menilai sesuatu di mana intan dan di mana kaca.

Bagaimanapun ada juga baiknya sekadar, **“kalau lupa beringat, kepa takbur tertaubar”**, manusia bergaduh malah berperang dan berbunuh-bunuhan adalah disebabkan pembahagian rezeki, tamak haloba dan adakalanya menindas di antara satu sama lain.

Oleh itu beringat-ingatlah **“melantai sebelum bulus”**, **“tengadah sebelum terantuk”**, **“sesal dahulu pendapat sesal kemudian tidak**

berguna", kalau sudah merasakan "sesat di hujung jalan baliklah ke pangkal jalan".

"Bila berjalan ke depan sesekali tolehlah ke belakang" agar ada munafaatnya.

Semoga Allah s.w.t. memberikan taufik dan hidayahnya.

A. Samad Idris

Teratak Desa Kuala Lumpur

1-10-1996.

Rintihan.....

Kubawa dingin pagi yang menyegarkan
ke wajahmu pesisir waktu
termangu di antara getar rindu
imbau kenanganku ke gunung menjulang indah
Merapi Singgalang sayup berbalam
igau bimbangku ke lurah memusar gundah!

Biarkan awan gemawan memintal janji
memutih bak kapas di busar
esok matari pasti kian meninggi
Perjuangan ini kita jadikan ikrar:
Ke benak menyelinap ingatan lampau
ke dada terungkap perjalanan kita.

Di sini akan ku bina tugu persahabatan
teman-temanku -
bersama bait rangkap lirik lagu
Semalam di Malaya:
Oh! Di mana kawan dulu
kawan dulu yang sama berjuang!
Rintih hati pencipta ternama
Saiful Bahari, temanku
iya, temanku yang sama berjuang.

Setengah abad berlalu detik ke detik
teman-temanku:
bukan masa yang pendek
memisahkan jarum waktu
Ke mana kau teman-temanku
di antara bayang yang hilang?

Siapa anak-anak yang menangisi
- Kau yang melangkah pergi
- Menyahut seruan Ilahi
Kerana kau dilahirkan
untuk menabur bakti
bangsa & negara

warisan tercinta

Dengarkan pewaris bangsa
yang bersopan di setiap abad
ini tugu yang kau bina dengan air mata
debar getarnya bersama keyakinan
Tekad nekadnya bersama ketabahan!

Aku tahu teman-temanku:

Kau tidak pernah meminta
jasamu dikenang anak-anak bangsa
kau tidak pernah mengemis simpati
belas ihsan penghormatan negara
kau tidak pernah memohon janji
darjah kebesaran mengerdip di dada.

Di dadamu terukir doa harapan
agar bangsamu, negaramu & warisanmu
selamat dan bebas:

Bebas dari cengkaman dan penindasan
bernama penjajah yang kejam!

Hari ini ku bawa matari pagi
menyinari jejak-jejak yang kau tinggalkan
rasakan hangat panas bumi ini:

Kembali ke teratak desamu
ke kota langkah kita bermula
kau akan termangu
bersama kemenangan namamu.

Kau akan membilang jerjak waktu
zaman lampau yang kita tinggalkan
langkah berat di jalan berkerikil
beg usang terjenjeng di tangan
haus dahaga di bawah bayang yang panjang.

Kini, kau bisa tersenyum teman-teman
yang hilang tanpa nama besar
nesanmu menjadi tugu saksi
anak-anak yang kau dewasakan
tabah yakinnya menjunjung kebenaran

rebah bangunnya menggenggam kesetiaan.
Usah pula kau tangisi
kalau anak-anakmu memalu gendang petualang
bertandak mengikut rentak walang kecundang
kerana pepatah yang berketak:
Gading mana yang tidak retak?

Anak-anakku
kembalilah ke pangkalan tempat kayuh bermula
kembalilah ke daratan tempat kaki berjejak

Pitih bertaburan
jangan biarkan mengabui mata
basah dalam kekeringan -
laksana buah dikait menimpa kepala
luruhnya air mata kita!

Akan ku sampaikan pesan ini
kepada anak-anak yang kau tinggalkan
nikmat itu bukan semuanya kenikmatan
celaka itu bukan semuanya kecelakaan
kerana di antara kemegahan anak-anak yang berjaya
gelap matanya malang kecundang
gertap bibirnya walang petualang.

Lupakah anak-anak kota
air telaga di desa
lupakah anak-anak pesan pejuang bangsa:
ular menyusur akar takkan hilang bisa

Mari teman-teman
kita kembali mengukur perkasa wajamu
kerana kau tidak mati
di setiap inci bumi ini
anak-anakmu sudah menikmati
segala hasil limpah budimu yang abadi.

Kampung dan desa sudah terbina
kota pembangunan, teman-teman
telaga di kambus airnya mengalir dalam besi

pelita dipadamkan apinya menyala di kaca
siapa lagi di antara kita
mimpinya khayal di siang hari?

Kini, ku bawa dingin pagi
bersama anak-anak berbimbing tangan ke sekolah
orang tua kian mesra di masjidnya
azan berkumandang di puncak menaranya
teman-teman seperjuangan di mana suaramu?

A. Samad Idris
Bukittinggi/Maninjau
di suatu pagi
26-9-96.





فرتو بهنك كيشانم سلاو برسيا تو

PERTUBUHAN KEBANGSAAN MELAYU BERSATU (DARU) ATAU UMNO

N0. Pendaftaran 676/88 (Wilayah Persekutuan)

PRESIDEN

Kata-kata Auan

UMNO yang ditubuhkan pada 11hb. Mei 1946 di Johor Bahru menumpukan perjuangannya pada peringkat awal kepada dua asas pokok, pertama menyatupadukan orang-orang Melayu yang bersifat kenegerian dan kedua menentang penubuhan Malayan Union.

Sebagai yang kita semua maklum sesudah Dato' Onn berjaya dalam kedua-dua perjuangan tersebut dan kemudian meninggalkan UMNO, teraju UMNO telah diambilalih oleh Tunku Abdul Rahman Putra.

Dalam masa kepimpinan Tunku inilah UMNO telah meletakkan asas perjuangannya untuk merebut kemerdekaan tanahair daripada belenggu penjajahan.

Kepimpinan dan kejayaan UMNO dalam perjuangannya bukan terletak di tangan Tunku seorang tetapi adalah dengan bantuan dan sokongan padu setiap pemimpin di semua peringkat dari Bahagian dan Cawangan serta ahli-ahli dan mereka yang bersimpati dengan perjuangan kemerdekaan.

Kebanyakan daripada pemimpin ini telah meninggalkan kita buat selamalamanya dan ramai antara generasi muda sekarang yang tidak mengenali mereka. Ini adalah kerana kekurangan bahan-bahan bacaan mengenai perkara ini.

Oleh itu, usaha Tan Sri Samad Idris mengumpulkan perjuangan tokoh-tokoh kebangsaan menerusi pita video dan buku ini adalah satu usaha yang sangat berguna bukan sahaja sebagai tanda kita mengenang jasa dan bakti tokoh-tokoh tersebut tetapi juga untuk pengetahuan kita, terutama generasi muda sekarang.



DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD

Kuala Lumpur
1 Oktober 1996



فروہنك بشاړ ملايو برساتو

PERTUBUHAN KEBANGSAAN MELAYU BERSATU (BARU) ATAU UMNO

Kata-kata Auan

Sebarang usaha untuk mengumpulkan bahan-bahan yang mengandungi sejarah lebih-lebih lagi sejarah perjuangan bangsa membebaskan tanahair amat dialu-alukan.

Buku yang disusun oleh Tan Sri Dato' A. Samad Idris yang diberi judul "Jejak-Jejak Pejuang" ini semoga mendapat perhatian semua peringkat terutama generasi muda.

Negara kita telah mencapai kemerdekaan 39 tahun yang lalu, bagi mereka yang berumur sekitar empat puluhan tentunya kurang mengenali tokoh-tokoh pejuang kemerdekaan ini.

Ketandusan bahan-bahan bacaan yang berupa sejarah, agak kurang ditulis oleh penulis-penulis kita, semoga dengan terbitnya buku sepuluh orang tokoh pejuang ini dapat mengisi ruang-ruang yang masih agak kekosongan.

Diharapkan usaha ini merupakan langkah awal bagi melangkah lebih jauh lagi ke depan.

Wassalam.

Dato' Mohamad Rahmat

Setiausaha Agung UMNO Malaysia,
Merangkap Menteri Penerangan.



Kata-kata Bistari

1. Kalau jasamu nak dikenang
Kenanglah jasa mereka yang berjasa.
2. Dalam kehidupan insan di maya pada ini terdapat:
Banyak kawan dan tidak kurang juga musuh:
Musuh yang paling berbahaya ialah:
Musuh yang berselindung di sebalik nama kawan iaitu:
Musuh dalam selimut
Menggunting dalam lipatan
Pepat di luar - rencong di dalam
Lain dimulut lain dihati
3. Sesuatu yang agak pasti terjadi:
- Hari ini musuh - esok kawan
- Hari ini kawan - esok musuh
4. Berani kerana benar
Takut kerana salah
5. Benar itu kekuatan
Bukan kekuatan itu benar
6.
 - a. Jalan mendatar - Jalan yang lurus dan adil.
 - b. Jalan melereng - Jalan yang lurus tetapi tak adil.
 - c. Jalan mendaki - Jalan yang adil tetapi dengan kekerasan.
 - d. Jalan menurun - Jalan mengalah dan tak adil.
7. Apabila menyalahkan orang lain kerana hendak menyembunyi-
kan kesalahan sendiri menampakkan sikap buruk, tidak ber-
hemah tinggi dan belum dewasa.



Datuk Onn Jaafar
Yang diPertua Agung
1946-1951



Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj
Yang diPertua Agung
1951-1970



Tun Abdul Razak Hussein
Presiden UMNO
1970-1976



Tun Hussein Onn
Yang diPertua Agung
1976-1981



Dato Seri Anwar Ibrahim
Timbalan Presiden



SYED JAAFAR BIN SYED HASSAN ALBAR
(1914 - 1977)

SYED JAAFAR BIN SYED HASSAN ALBAR
(1914 - 1977)

Kelantangan suaranya yang menggegarkan semangat menyebabkan beliau diberi gelaran 'Singa UMNO' seolah-olah ngauaman singa yang menggerunkan musuh politiknya. Gelaran 'Singa UMNO' yang diberikan kepada Syed Jaafar bin Syed Hassan Albar atau lebih dikenali dengan panggilan 'Syed Jaafar Albar' adalah sebagai amaran kepada PAS yang memberikan gelaran 'Panglima Jihad' kepada Haji Hassan Adli bin Haji Arshad (Dato') dalam muktamar parti di Perlis dalam tahun 1956.

Tan Sri Syed Jaafar Albar bukan sahaja bersuara lantang tetapi berjiwa berani. Disebabkan keberanian beliau inilah Tunku Abdul Rahman Putra terpaksa menyingkirkan Singapura dari Malaysia setelah timbul ketegangan di antara Syed Jaafar Albar dan pemimpin Singapura Lee Kuan Yew. Selepas penyingkiran Singapura itu suasana ketegangan kaum dapat dikawal.

Keberanian Syed Jaafar Albar menghalang Ahmad Boestamam bersama Ahli-ahli Parlimen Sosialis Front di pintu masuk Dewan Tunku A. Rahman tempat pembukaan persidangan selepas pilihan raya 1959 kerana enggan memakai kot menunjukkan beliau sanggup menerima risiko semata-mata mempertahankan maruah Parlimen sebagai badan pembuat undang-undang. Lapan orang Ahli Parlimen Sosialis Front yang diketuai oleh Ahmad Boestamam (SF – Setapak) seolah-olah mahu menguji ketegasan UMNO apabila sengaja tidak mahu memakai kot bagi menghadiri sidang Parlimen.

Tindakan keras Syed Jaafar Albar ini menyebabkan Ahmad Boestamam dan rakan-rakannya terpaksa mengalah. Mereka dikehendaki memakai kot dan tali leher sebagai menghormati kedudukan Parlimen sebagai badan pembuat undang-undang yang tertinggi. Dalam persidangan Dewan Rakyat tahun 1970, Syed Jaafar Albar juga bertikam lidah dengan S P Seenivasagam (PPP - Menglembu) apabila ahli Parlimen pembangkang ketika itu mengganggu ucapan Timbalan Perdana Menteri Tun Dr. Ismail.

Rekod politik Tan Sri Jaafar Albar yang berani ini selaras dengan kedudukannya sebagai Ketua Penerangan UMNO semenjak tahun 1949. Syed Jaafar Albar memulakan kerjaya politiknya di dalam UMNO di negeri Kelantan. Dalam tahun 1947 beliau telah diminta oleh Ketua Penerangan UMNO ketika itu Syed Alwi bin Syed Syeikh al-Hadi membantu kerja-kerja di jabatan penerangan UMNO.

Syed Jaafar Albar dilahirkan dalam tahun 1914 dan dibesarkan

oleh bapa saudaranya Syed Salim Albar. Beliau mendapat pendidikan awalnya di madrasah AlJunid, Singapura. Setelah menamatkan pengajiannya di Madrasah berkenaan, Syed Jaafar Albar kemudiannya ditawarkan mengajar di situ. Dalam tahun 1940 beliau berpindah ke Kota Bharu, Kelantan setelah ditawarkan menjadi Guru Besar di Sekolah Islah, Bahagian Agama dan Bahasa Arab.

Penglibatannya dalam UMNO mula menonjol apabila ditawarkan oleh Ketua Penerangan UMNO Syed Alwi membantu tugasnya di Jabatan Penerangan dengan diberi elaun sugu hati. Disebabkan Syed Jaafar berbakat sebagai pemidato, beliau telah ditawarkan oleh penjajah Inggeris berkhidmat sebagai Pegawai Penerangan dalam jabatan kerajaan. Bagaimanapun Syed Jaafar menolak pelawaan tersebut disebabkan minatnya yang mendalam dalam perjuangan politik UMNO.

Selepas Syed Alwi, jawatan Ketua Penerangan UMNO dipegang oleh Abudl Rahim Ibrahim dalam tempoh 1948 – 1949. Mulai tahun 1949 Syed Jaafar mengambil alih jawatan Ketua Penerangan dan merupakan tokoh paling lama memegang jawatan tersebut. Beliau bertanggungjawab menerbitkan lidah rasmi parti 'Suara UMNO' mulai 15 Februari 1951.

Kegigihan Syed Jaafar Albar dalam menyebarkan maklumat mengenai UMNO dengan menerbitkan 'Suara UMNO' dalam bentuk stensilan setebal 24 muka surat itu memperlihatkan prihatin beliau kepada parti. Sumber maklumat parti memang sukar disalurkan kepada orang ramai sekiranya tidak mempunyai akhbar sendiri. Oleh itu Jaafar Albar memainkan peranan pada peringkat awal menyebarkan penerangan menggunakan akhbar stensilan, dalam masa parti menghadapi serba kekurangan.

Sebagai anak yang setia Syed Jaafar Albar tidak membantah apabila dijodohkan oleh bapa saudaranya dengan anaknya sendiri iaitu Syarifah Fatimah binti Syed Salim Albar. Di samping isterinya inilah beliau meneruskan perjuangan politik dengan kelantangan bersuara dan keberanian menegakkan prinsipnya. Disebabkan prinsipnya inilah Syed Jaafar Albar pernah meletakkan jawatan Ketua penerangan UMNO dalam tahun 1956, setelah UMNO mengalami kekalahan dalam pilihan raya Majlis Bandaran Pulau Pinang dalam bulan Disember 1956.

Sebelum itu beliau telah bekerja keras sebagai Ketua Penerangan bagi menjamin kemenangan calon-calon UMNO dalam pilihan raya 1955. Kekalahan UMNO dalam pilihan raya Majlis Bandaran di Pulau Pinang banyak dikaitkan dengan masalah dalaman termasuk pemecatan Ketua Kaum Ibunya Khadijah Sidek pada 10 Oktober 1956. Bagaimanapun tidak lama kemudian Syed Jaafar Albar kembali menerima jawatan Ketua



Tan Sri Syed Jaafar Albar sedang berbual mesra dengan Datuk Hussein Onn dalam Persidangan UMNO di Pulau Pinang pada 23.10.76.



Dalam Persidangan UMNO yang ke-27 pada 2.7.1976.

Penerangan bagi meneruskan perjuangan UMNO.

Dalam pilihan raya 1955 Syed Jaafar tidak dipilih menjadi calon, tetapi beliau berganding bahu dengan Tunku melancarkan kempen ke seluruh negara bagi menentang dakyah Parti Negara. Sebagai Ketua Penerangan beliau ditugaskan mengatur strategi bagi memenangi pilihan raya itu. Pengalaman beliau melaksanakan tugas di ibu pejabat UMNO ini menyebabkan Tunku memberi kepercayaan melantik Jaafar Albar menjadi Setiausaha Agung dalam bulan September 1957, apabila Senu Abdul Rahman (Tan Sri) melepaskan jawatan itu untuk menerima tugas baru sebagai Duta Besar ke Indonesia mulai 31 Ogos 1957.

Tetapi Jaafar Albar memegang jawatan Setiausaha Agung itu dalam tempoh yang singkat sahaja, kerana dalam tahun 1957 itu juga Ismail Yusof dilantik menjadi Setiausaha Agung UMNO. Beliau meneruskan tanggungjawabnya semula selaku Ketua Penerangan yang amat serasi dengan peranan yang dimainkannya.

Ngauman 'Singa UMNO' semakin kuat gemanya apabila Jaafar Albar dipilih tanpa bertanding menjadi Ahli Parlimen dalam pilihan raya 1959 bagi kawasan Johor Tenggara. Peristiwa bersejarah ketika pembukaan sidang Parlimen inilah berlakunya tindakan 8 orang Ahli Parlimen Sosialis Front tidak mahu memakai kot. Sebagai wakil parti sosialis, mereka hanya mahu memakai kemeja dan seluar warna putih sahaja ketika menghadiri sidang Parlimen.

Jaafar Albar telah menunggu di pintu masuk ke Dewan dengan bercekak pinggang meminta 8 orang Ahli Parlimen Sosialis Front itu menghormati Dewan atau terpaksa bergaduh di pintu masuk ke dewan. Disebabkan Jaafar Albar bukan bertujuan menggertak tetapi bersungguh-sungguh mencabar 8 orang Ahli Pembangkang itu berada tenaga, terpaksa Ahmad Boestamam dan rakan-rakannya mengalah. Mereka terpaksa balik untuk memakai kot dan tali leher bagi menghadiri sidang Parlimen.

Apabila Malaysia ditubuhkan tahun 1963, Singapura merupakan salah satu daripadanya. Ketika ini UMNO mula mengorak langkah menyeberangi Tambak Johor, dengan menubuhkan banyak cawangan di Singapura. Sebagai tindak balas pemimpin Singapura pula membawa parti mereka Parti tindakan Rakyat (PAP) ke Semenanjung dengan menubuhkan cawangan, sekalipun di Parlimen kedudukan PAP adalah komponen Parti Perikatan yang memerintah.

Menjelang pilihan raya umum 1964, Jaafar Albar dilantik menjadi Setiausaha Agung UMNO buat kali kedua. Malaysia yang baru ditubuhkan terpaksa pula berhadapan dengan konfrantasi Indonesia yang



Syed Jaafar Albar, Ketua Pemuda UMNO Malaysia hadir di KL Hilton untuk menghadiri Perhimpunan Agung UMNO.

dilancarkan oleh Presiden Sukarno sebaik sahaja fajar 1964 bermula. Ketegangan di antara Malaysia—Indonesia semakin meruncing menjelang pilihan raya 1964, yang memaksa kerajaan melaksanakan sepenuhnya kuatkuasa Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Ramai pemimpin pembangkang ditahan di bawah ISA setelah disyaki terbabit dalam konfrontasi ini. Ahmad Boestamam adalah tokoh pembangkang yang pertama ditahan di bawah ISA sebaik sahaja ura-ura penubuhan Malaysia dilaksanakan. Lee Kuan Yew di Singapura juga menerima manfaat dari ISA ini apabila ramai tokoh-tokoh Barisan Sosialis ditahan termasuk pemimpin utamanya Dr. Lee Siew Choh.

Kedudukan PAP di Singapura bertambah kuat setelah ISA dilaksanakan sepenuhnya oleh Lee Kuan Yew. Dalam keadaan konfrontasi meruncing ini Parti Perikatan mencapai kemenangan besar dalam pilihan raya 1964. Jaafar Albar sekali lagi menang tidak bertanding di kawasan Parlimen Johor Tenggara dalam pilihan raya ini. Tindakan Lee Kuan Yew meletakkan calon dalam pilihan raya di Semenanjung menentang calon Parti Perikatan telah menimbulkan kemarahan kepada Jaafar Albar.

Bermula dari sinilah ketegangan mula berlaku di antara Jaafar Albar dengan Lee Kuan Yew yang dianggapnya seperti 'musuh dalam selimut'. Beliau kesal dengan sikap Lee Kuan Yew yang sepatutnya menyokong calon Parti Perikatan kerana kedudukan PAP di dalam Parlimen Malaysia adalah komponen parti yang memerintah. Bagaimanapun Lee Kuan Yew tidak menghiraukan keistimewaan tersebut, sebaliknya terus meletakkan 13 orang calon PAP bertanding dalam pilihan raya di Malaysia.

Salah seorang daripadanya telah menang di kerusi Parlimen kawasan Bangsar iaitu C V Devan Nair. Langkah yang diambil oleh Lee Kuan Yew menyebabkan PAP terpaksa diletakkan di barisan pembangkang dalam Parlimen selepas pilihan raya 1964 itu. Perang mulut di antara Lee Kuan Yew dan Jaafar Albar berterusan selepas pilihan raya ini. Di samping menjadi Setiausaha Agung UMNO, Jaafar Albar juga dilantik menjadi Menteri Muda Penerangan (Timbalan Menteri Penerangan), kementerian yang Tunku sendiri menjadi menterinya.

Kedudukan Jaafar Albar di dalam parti dan kerajaan sebagai tokoh penting, menyebabkan beliau sering menjadi sasaran Lee Kuan Yew. Dalam masa ahli-ahli UMNO menyanjung Jaafar Albar sebagai 'Singa UMNO', Lee Kuan Yew pula menganggapnya sebagai 'Ultra Melayu' yang membawa maksud meniupkan sentimen kaum dan pelampau. Selain dari Jaafar Albar yang dituduh demikian Lee Kuan Yew juga melabelkan Dr. Mahathir Mohamad, Syed Nasir, Ghafar Baba, Ibrahim



Tidak kira hujan dan panas, berpayung pun jadi

Fikri dan A. Samad Idris sebagai 'Ultra Melayu'.

Jaafar Albar tidak lama menjadi Menteri Muda Penerangan disebabkan beliau diserang sakit jantung. Beliau kemudiannya dihantar berubat ke London di samping bercuti rehat. Di London beliau telah dilantik menjadi Atase Akhbar di pejabat Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di London. Bagaimanapun ada pihak berpendapat Jaafar Albar dihantar ke London bagi mengurangkan ketegangan di antara beliau dengan Lee Kuan Yew.

Dalam tahun 1965, Jaafar Albar balik semula ke Malaysia dan beliau meneruskan tanggungjawabnya sebagai Setiausaha Agung. Kembalinya beliau ke tanahair menimbulkan semula ketegangan Lee Kuan Yew apabila UMNO dan dirinya menjadi sasaran pemimpin PAP itu. Dalam menangkis tuduhan-tuduhan Lee Kuan Yew ke atas UMNO dan dirinya, Jaafar Albar telah menimbulkan sejarah kejayaan politik Lee Kuan Yew di Singapura yang terpaksa bersekongkol dengan Barisan Sosialis.

Tetapi selepas kedudukan PAP semakin kukuh, Lee Kuan Yew menggunakan ISA bagi menahan puak kiri yang menjadi rakan sekongkolnya dalam usaha menumbangkan kepimpinan David Marshall di Singapura. Bagaimanapun ucapan Jaafar Albar telah disalahtafsirkan seolah-olah beliau memberi gambaran pemimpin Singapura itu pro-komunis.

Akibatnya Lee Kuan Yew mengambil tindakan mahkamah menuntut saman malu ke atas Jaafar Albar. Kemarahan ahli-ahli UMNO terhadap Lee Kuan Yew semakin meluap-luap, hingga mereka sanggup mendermakan wang bagi membiayai perbicaraan Jaafar Albar. Di seluruh negara ahli-ahli UMNO melancarkan 'Tabung Jaafar Albar' bagi menghadapi saman mahkamah yang dikemukakan oleh Lee Kuan Yew pada tahun 1965 itu.

Tunku yang berada di London ketika itu merasakan ketegangan di antara Jaafar Albar — Lee Kuan Yew bukanlah pertentangan dua tokoh politik, tetapi di antara orang-orang Melayu yang menjadi ahli UMNO dan orang-orang Cina yang menjadi ahli PAP. Dalam keadaan kemelut inilah Tunku mengambil keputusan supaya Singapura disingkirkan dari Malaysia sebagai jalan penyelesaian mengatasi ketegangan di antara dua tokoh iaitu Setiausaha Agung UMNO dan Setiausaha Agung PAP.

Penyingkiran Singapura ini menimbulkan kemarahan kepada Jaafar Albar yang dianggapnya sebagai 'penyerahan' Singapura kepada Lee Kuan Yew. Beliau berpegang kuat kepada prinsipnya menentang sebarang penyerahan Singapura kepada kuasa yang lain daripada Melayu. Tetapi Tunku sebagai pemimpin negara mempunyai pandangannya men-

genai kedudukan krisis Jaafar Albar — Lee Kuan Yew ini.

Ketika usul dibawa ke Parlimen bagi membuat keputusan untuk menyingkirkan Singapura, Jaafar Albar bertindak meninggalkan Dewan Semasa pengundian dibuat. Tindakan beliau memang berlawanan dengan peradaban parti, tetapi Jaafar Albar tidak mahu tunduk dengan keputusan yang berlawanan dengan prinsipnya. Selepas itu beliau mengambil keputusan meletakkan jawatan sebagai Setiausaha Agung UMNO.

Bagaimanapun Tunku tidak kecewa dengan tindakan Jaafar Albar. Memang Tunku mengakui bahawa Jaafar Albar adalah ahli UMNO yang setia. Jaafar Albar tetap bersama UMNO sekalipun beliau tidak lagi menjadi pemimpin utama di barisan hadapan. Selepas 1965 memang Jaafar Albar tidak memegang jawatan penting dalam UMNO kecuali kekal menjadi Ahli Parlimen di kawasan Johor Tenggara.

Kepimpinan Tunku terus tercabar dalam tahun 1968 selepas berlaku 'hartal' di Pulau Pinang. Dalam masa yang sama Dr. Ismail (Tun) pula meletakkan jawatan dari kabinet sebagai Menteri Dalam Negeri. Oleh itu pergeseran Jaafar Albar dengan Tunku, ditambah lagi dengan krisis berikutan perletakan jawatan Dr. Ismail ini.

Berikutan dengan banyak pergolakan di dalam UMNO, suasana politik menjelang pilihan raya 1969 juga ikut bergolak. Bekas ahli-ahli Parti Buruh dan Parti Demokratik Bersatu (UDP) pimpinan Dr. Lim Chong Eu telah menubuhkan Parti Gerakan Rakyat untuk memberi cabaran dalam pilihan raya menjelang tahun 1969. Gabungan Dr. Tan Chee Khoo (Parti Buruh) dan Dr. Lim Chong Eu (UDP) ini mendapat sokongan golongan intelek dan profesional termasuk Prof. Syed Hussein Al-Attas dan adiknya Prof. Naguib Al-Attas.

Dalam pilihan raya 1969 juga buat pertama kali Syed Jaafar Albar dicabar oleh calon Parti Gerakan, Tunku Archibold di kawasan Parlimen Johor Tenggara. Bagaimanapun Syed Jaafar Albar menang dengan majoriti yang besar. Tetapi pilihan raya umum yang berlangsung pada 10 Mei 1969 itu meninggalkan sejarah hitam apabila berlakunya rusuhan kaum di ibu negara Kuala Lumpur pada 13 Mei 1969.

Rusuhan kaum yang tercetus setelah suasana politik semakin tegang dengan keputusan pilihan raya itu, menyebabkan pemerintahan berparlimen terpaksa digantung. Bagi mentadbirkan negara Yang di-Pertuan Agong telah memerintahkan supaya dibentuk Majlis Gerakan Negara atau 'Mageran' yang dipengerusikan oleh Tun Abdul Razak. Bagi membendung keadaan yang membimbangkan ini, Tun Dr. Ismail kembali menawarkan diri berkhidmat dalam kabinet sebagai Menteri Dalam Negeri.

Kebimbangan Tunku akan berlakunya rusuhan kaum setelah pertentangan Jaafar Albar — Lee Kuan Yew tidak juga dapat dibendung dalam tahun 1969 itu sekalipun Singapura sudah disingkirkan dari Malaysia. Oleh itu Syed Jaafar Albar membuktikan ramalannya tidak meleset bahawa rusuhan kaum boleh berlaku bukan disebabkan pertentangan politiknya dengan Lee Kuan Yew, tetapi disebabkan oleh anasir-anasir lain termasuk kedudukan orang Melayu yang ketinggalan dalam bidang pendidikan dan ekonomi.

Jaafar Albar dilabelkan oleh musuh politiknya sebagai ultra Melayu disebabkan beliau menegaskan: Dalam dekad 60-an itu tidak ada apalagi yang dapat dibanggakan oleh orang Melayu kerana yang tinggal nama Melayu hanya — Keretapi Tanah Melayu, Askar Melayu dan Utusan Melayu. Ucapan Jaafar Albar demikian dianggap oleh musuh politiknya sebagai memainkan sentimen kaum Melayu, tetapi apa yang mahu dikemukakan oleh beliau ialah nasib bangsa Melayu yang serba kekurangan sekalipun sudah lebih 10 tahun merdeka.

Semangat kesedaran beliau terhadap nasib bangsanya ini telah disalahtafsirkan oleh musuh-musuh politiknya sebagai sengaja memainkan sentimen kaum Melayu. Oleh itu peristiwa rusuhan kaum selepas pilihan raya 1969 itu memberi nafas baru kepada UMNO untuk memastikan pendidikan dan ekonomi orang Melayu boleh dicapai menjelang tahun 1990. UMNO di bawah pimpinan baru iaitu Tun Abdul Razak dan Tun Dr. Ismail memperkenalkan program Dasar Ekonomi Baru (DEB) bagi menyelesaikan isu kemunduran Bangsa Melayu.

Kedudukan bangsa Melayu sehingga dekad 60-an itu memberikan banyak kesedaran kepada pemimpin-pemimpin UMNO. Selain dari Jaafar Albar yang lantang membangkitkan isu kemunduran bangsa Melayu ianya juga mendorong Dr. Mahathir Mohamad menghasilkan karya klasiknya dikagumi iaitu 'Dilema Melayu', buku yang mengupas permasalahan bangsa Melayu dalam mengharungi pancaroba politik.

Dalam upacara rasmi penyerahan kuasa Tunku kepada Tun Abdul Razak dengan mengadakan perjumpaan khas dengan pemimpin-pemimpin peringkat Bahagian seluruh negara di Dewan Bahasa dan Pustaka pada 22 September 1970 juga menyentuh mengenai penyingkiran Singapura. Sekalipun Tunku tidak menyebut nama Jaafar Albar, tetapi semuanya memahami tindakan memisahkan Singapura bagi mengelakkan pertumpahan darah di antara kaum setelah isu Jaafar Albar — Lee Kuan Yew bertukar menjadi pertentangan kaum Melayu — Cina.

Era 70-an kedudukan politik UMNO kembali bergolak dengan isu pemecatan Dato' Harun Idris sebagai ahli dan Ketua Pemuda UMNO

dalam mesyuarat Majlis Tertinggi pada 18 Mac 1976. Jaafar Albar tidaklah terbabit dengan isu pemecatan ini disebabkan beliau tidak menjadi ahli MT parti, tetapi bermula dari isu pemecatan Dato' Harun inilah Jaafar Albar kembali menyertai kepimpinan UMNO di peringkat Pusat.

Ketika berusia 62 tahun Jaafar Albar menawarkan diri bertanding jawatan Ketua Pergerakan Pemuda, sekalipun beliau menyedari terdapat suara sumbang mengejeknya disebabkan usia Presiden UMNO Datuk Hussein Onn lebih muda daripadanya iaitu 54 tahun. Jaafar Albar terpaksa menentang Pemangku Ketua Pemuda, Datuk Mohamad Rahmat dalam pemilihan yang berlangsung pada 1 Julai 1976, di mana beliau berjaya mengalahkan Datuk Mohamad Rahmat.

Kemenangan Tan Sri Jaafar Albar memegang jawatan Ketua Pergerakan Pemuda UMNO meredakan ketegangan di kalangan Pemuda UMNO selepas pemecatan Datuk Harun. Jaafar Albar bukan sahaja menjadi jambatan menghubungkan semula keretakan di kalangan Pemuda dengan pucuk pimpinan tetapi membawa pendekatan baru yang dipanggilnya 'kumpulan halia' atau 'ginger group'.

Dalam usahanya menjelajah ke seluruh negara memperkenalkan pendekatan baru Pergerakan Pemuda iaitu 'ginger group', Tan Sri Jaafar Albar diserang sakit jantung ketika menghadiri perjumpaan dengan Pemuda UMNO Bahagian Muar di Dewan Bandaran Muar pada 14 Januari 1977. Beliau meninggal dunia di hospital Daerah Muar sebagai pejuang sewaktu berada di tengah gelanggang.

Memang perletakan jawatan Jaafar Albar sebagai Setiausaha Agung UMNO pada 11 Ogos 1965 sedikit sebanyak membawa perubahan kepada UMNO juga. Berikutan dengan perletakan jawatan beliau inilah UMNO mula mewujudkan jawatan Setiausaha Kerja dan memunculkan tokoh muda Musa Hitam (Tan Sri) yang kemudiannya memainkan peranan besar dalam perjuangan UMNO.